



MINISTRY OF COMMUNICATIONS  
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

7 MAC 2019

UNTUK SIARAN SEGERA

## SEMINAR KESEJAHTERAAN SIBER PERKASA BELIA KE ARAH MENJADI WARGA DIGITAL YANG BERMORAL, BERETIKA DAN BERINTEGRITI

**PUTRAJAYA (7 MAC 2019)** – CyberSecurity Malaysia dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) hari ini menganjurkan Seminar Kesejahteraan Siber bertajuk “Kesejahteraan Siber Belia Di Era Digital”. Ia diadakan sempena sambutan Hari Keselamatan Internet 2019 atau *Safer Internet Day* (SID) 2019 - Edisi Malaysia.

Menurut Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia “Sejajar dengan tema sambutan SID 2019 – Edisi Malaysia iaitu “Kesejahteraan Siber” (*Cyber Wellness*), seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pengguna internet mengenai kaedah pengurusan digital yang positif khususnya dari aspek kesihatan mental dan fizikal melalui penerapan amalan terbaik (*best practises*) Etiket Digital dan Kesihatan Digital; mendidik, mewujudkan serta meningkatkan kesedaran peserta tentang pentingnya memiliki sikap bertanggungjawab dan saling menghormati apabila berada dunia siber serta memupuk serta kesedaran pengguna internet (amnya) mengenai kepentingan menggunakan teknologi dan internet secara beretika.”

Fokus utama seminar adalah kepada dua elemen Kewarganegaraan Digital, iaitu Kesihatan Digital (*Digital Health*) dan Etiket Digital (*Digital Etiquette*). “Kedua-dua elemen ini perlu diberi penekanan disebabkan oleh wujudnya pelbagai insiden keselamatan siber hasil dari penggunaan internet, media sosial dan teknologi yang tidak bertanggungjawab. Ia bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan awam malah ia turut memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan fizikal golongan belia dan pengguna internet amnya.” ujar Dato’ Dr. Amirudin.



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia  
(726630-U)

T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Seminar sehari ini meliputi tiga sesi forum, Forum Pertama: *“A Positive Cyber Environment for a Healthy Well-being!”* – fokus kepada membina kesejahteraan di era digital, kesihatan psikososial dan ancaman ke atas kesihatan fizikal; Forum Kedua: *“SocMed’s Influence: Youth Empowerment in the Digital Era”* and My Digital H2O Campaign Activities” – membincangkan perkara berkaitan pengaruh media sosial ke atas remaja (belia) serta impak ke atas kehidupan seharian mereka, manakala Sesi Perbincangan Panel: *“Fending off Dr.Evil with your Digital Citizen Shield”* – membawakan individu-individu yang pernah mengalami situasi sebagai mangsa buli siber, *child groomers* serta pengalaman mereka melalui saat getir tersebut.

Antara ahli panel yang membuat pembentangan, berkongsi pengalaman serta kepakaran ialah Professor Madya Dr. Suzaily Wahab, *Consultant Psychiatrist UKM Medical Centre*; Datin Dr. Norrizan Razali, *Passionate Specialist of Digital Citizenship (DC) dan juga Founder of Tech Capacity Sdn.Bhd.*; Praven Kaur, *Founder of Kids N Clicks* yang berpangkalan di Scotland; Philip Ling, *Principal of Communications and Sustainability, Digi CyberSAFE* serta Keith Woo, *UNICEF Malaysia*.

Pada akhir seminar, turut berlangsung ialah Majlis Penutup Sambutan Hari Keselamatan Internet 2019 : Edisi Malaysia yang disempurnakan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. YB Menteri juga telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Cyber Heroes 2019 yang merupakan satu pertandingan untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang pertahanan siber serta menerapkan minat dalam kalangan generasi muda bagi memelihara keamanan dan pertahanan ruang siber Malaysia. Pertandingan Cyber Heroes disasarkan kepada para pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan telah diadakan pada 6 Mac 2019 di Asia Pacific Universiti (APU), Bukit Jalil.

~ Tamat ~

### **Mengenai SID**

SID 2019 diraikan pada 5 Februari 2019 (Selasa) bertemakan *“Together for a better internet”*. Manakala Edisi Malaysia bermula pada 13 Februari 2019. SID diperkenalkan oleh InSAFE European Union (EU), Belgium pada tahun 2004, merupakan sambutan global yang diraikan oleh lebih 100 buah negara bagi mempromosi kesedaran keselamatan internet. Di

Malaysia, sambutan ini dipacu oleh CyberSecurity Malaysia dengan sokongan rakan-rakan strategik yang turut melestari agenda keselamatan internet di Malaysia.

SID 2019 - Edisi Malaysia disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Manakala rakan strategik ialah Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), MyNIC, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Majlis Belia Malaysia (MBM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), National Council of Women's Organisation Malaysia (NCWO), Lim Kok Wing Creative University, Internet Society Malaysian Chapter (ISOC), UNICEF, Malaysian Youth Mental Health Initiatives (MINDA), DiGi Telecommunications, Celcom, Time dot Com; BAE Systems, Tech Capacity, Genovasi, MINDA, Moduleight Sdn Bhd serta Institusi Pengajian Awam dan juga Swasta termasuk media- media tempatan.

---

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau +603-89926888.

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).